

Pinjaman Peribadi Hari Kebangsaan Khas

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen “Pinjaman Peribadi Hari Kebangsaan Khas” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (HLB bermula pada 16 Ogos 2017 dan berakhir pada 31 Ogos 2017, termasuk pada kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Kempen:-

KELAYAKAN

2. Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan individu Malaysia (“Pelanggan”) yang memenuhi kriteria kelayakan berikut:-
 - a) bekerja dengan pendapatan tahunan minimum sebanyak Dua Puluh Empat Ribu Ringgit Malaysia (RM24,000.00);
 - b) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dan/atau Pinjaman Peribadi I.O.U Mach;
 - c) memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB atau Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) (“Kemudahan”) secara terus melalui laman sesawang HLB di www.hlb.com.my (“Laman Sesawang HLB”) semasa Tempoh Kempen; dan
 - d) pembayaran Kemudahan yang diluluskan oleh HLB tidak lewat dari 8 September 2017.

Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Clausa 2 di atas akan ditakrifkan sebagai “Pelanggan Layak”.

3. Mereka yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - i. Pelanggan yang memohon untuk Pembiayaan Peribadi-I HLISB, Pembiayaan Peribadi Penggabungan Baki, atau Pinjaman Peribadi MACH I.O.U.
 - ii. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - iii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di sini.
 - iv. Kakitangan tetap dan berkontrak HLB dan/atau HLISB.

Mekanik Kempen

4. Sejumlah satu ribu lima ratus (1,500) Golden Screen Cinema e-baucar untuk dimenangi dalam Kempen ini. Satu (1) Golden Screen Cinema e-baucar akan ditakrifkan sebagai satu (1) "Hadiah". Hadiah akan diberikan pada asas yang pertama datang, pertama berkhidmat dan setiap Pelanggan Layak hanya boleh menang sekali sahaja sepanjang tempoh Kempen tidak kira sama ada Pelanggan Layak layak di bawah Kategori A atau Kategori B yang ditakrifkan di bawah.
5. **Kategori A**
Sejumlah satu ribu dua ratus (1,200) Hadiah akan diberi untuk kategori ini. Enam puluh (60) Pelanggan pertama yang telah memenuhi semua kriteria kelayakan di dalam Klausa 2 di atas dalam Tempoh Kempen ("Pelanggan Layak") akan layak untuk menerima dua puluh (20) Hadiah setiap satu.
6. **Kategori B**
Sejumlah tiga ratus (300) Hadiah akan diberi untuk kategori ini. Enam puluh (60) Pelanggan seterusnya selepas Kategori A akan layak untuk menerima dua puluh (20) Hadiah setiap satu.
7. Hadiah tersebut akan dihantar ke Pelanggan Layak secara emel kepada alamat emel Pelanggan Layak yang terdapat di rekod HLB pada tarikh tertera di bawah berdasarkan tarikh pembayaran Kemudahan, atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB, berdasarkan jadual berikut dengan tarikh pembayaran Kemudahan:

Pembayaran Kemudahan Pada:	Emel pada:
16-20 Ogos 2017	25 Ogos 2017
21-27 Ogos 2017	1 September 2017
28 Ogos– 8 September 2017	12 September 2017

8. Penggunaan Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut yang ditetapkan oleh Golden Screen Cinemas Sdn Bhd:
 - a. Hanya boleh ditebus melalui tiket e-Bayaran dan Aplikasi Mudah Alih GSC sahaja. Tidak sah untuk penebusan melalui Kaunter Tiket.
 - b. Sah untuk format filem berikut : Biasa, 2D sahaja.
 - c. Sah untuk kelas wayang berikut : Kelas Biasa sahaja.
 - d. Sah untuk tempat duduk berikut : Biasa sahaja.
 - e. Satu (1) nombor e-baucar adalah sah untuk satu (1) tiket wayang di mana-mana panggung Golden Screen Cinemas di Malaysia, kecuali GSC Signature KL.
 - f. E-baucar tidak boleh ditukar untuk tunai.
 - g. E-baucar tidak boleh dinaik-taraf.
 - h. Tarikh luput untuk e-baucar adalah 2 Oktober 2017 dan tidak akan dilanjutkan.

UMUM

9. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:
 - (i) bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan bersetuju untuk terikat dengannya;
 - (ii) bersetuju untuk melayari laman sesawang HLB di www.hlb.com.my ("Laman Sesawang HLB") pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;

- (iii) bersetuju bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;
 - (iv) bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit atau barangan;
 - (v) bersetuju bahawa HLB tidak mewakili atau memberi waranti mengenai kesesuaian Hadiah dan sebarang aduan atau pertikaian mengenai Hadiah di bawah Kempen ini hendaklah diselesaikan secara terus di antara Pelanggan Layak dengan Golden Screen Cinemas Sdn. Bhd. tanpa melibatkan HLB.
 - (vi) bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
10. HLB berhak untuk:
- (i) menolak mana-mana permohonan Pinjaman Peribadi HLB yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa memberikan sebarang sebab;
 - (ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknyanya;
 - (iii) membatalkan Hadiah sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada T&S yang terkandung di sini dan ketidakpatuhan terma dan syarat Pinjaman Peribadi HLB atau Pinjaman Peribadi Penggabungan Baki HLB;
 - (iv) menggantikan Hadiah dengan hadiah alternatif yang bernilai serupa mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberi notis awal; dan
 - (v) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknyanya, dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLB untuk memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan.
11. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi HLB termasuk Terma dan Syarat Pinjaman Peribadi HLB hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang mengawal selia Pinjaman Peribadi HLB, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.
12. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.
13. Terma dan syarat yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
14. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.